

KUASA HAKAM DALAM KES-KES PERMOHONAN PERCERAIAN TANPA PERSETUJUAN SATU PIHAK DI MAHKAMAH SYARIAH TERENGGANU: SATU TINJAUAN AWAL

**ZAINI YUSNITA MAT JUSOH, SHARIFAH FATIMAH AZZAHRA SYED AHMAD
SHUKRI, ZANARIAH DIMON & SHARIFAH HANA ABDUL RAHMAN**

Jabatan Undang-undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang , KUIS

zainiyusnita@kuis.edu.my

ABSTRAK

Menurut undang-undang keluarga Islam negeri-negeri, terdapat banyak peruntukan undang-undang yang boleh digunakan untuk mendapatkan perceraian sebagai contoh peruntukan permohonan perceraian di bawah seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dan seksyen 45 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Terengganu) 2017. Permohonan perceraian tersebut memerlukan persetujuan kedua-dua pihak-pihak untuk bercerai. Jika salah satu pihak tidak bersetuju, mahkamah tidak akan membenarkan suami melafazkan talak dan melantik Jawatankuasa Pendamai. Sekiranya di peringkat Jawatankuasa Pendamai gagal untuk mencapai perdamaian atau persetujuan untuk bercerai dalam tempoh yang ditetapkan, mahkamah akan memerintahkan kedua-dua pihak melantik hakam bagi menyelesaikan pertikaian yang berlaku. Di Negeri Selangor,hakam dilaksanakan sepenuhnya di dalam kes perceraian di atas, malah terdapat kaedah yang khusus berkaitan pelantikan dan kuasa hakam iaitu Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014. Hal ini berlainan di Mahkamah Syariah Terengganu, walaupun peruntukan berkaitan Hakam ada dinyatakan di dalam Enakmen Undang-undang keluarga tetapi hakam tidak diaplikasikan sepenuhnya. Sekiranya terdapat kes perceraian dan wujudnya shiqaq dalam perkahwinan tetapi pihak suami enggan bercerai, kes permohonan perceraian tersebut tidak akan diluluskan oleh Hakim Bicara. Sekiranya salah satu pihak tetap ingin bercerai, pihak tersebut perlu memfailkan permohonan pembubaran perkahwinan lain yang sesuai dengan situasi dakwaan wujudnya shiqaq dalam perkahwinan seperti perceraian secara fasakh, taklik atau secara tebus talak.Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji pelaksanaan hakam menurut undang-undang dalam kes-kes perceraian tanpa persetujuan satu pihak di mahkamah Syariah Terengganu. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis dokumen dan metode temu bual separa struktur dalam pengumpulan data. Hasil kajian mendapati sekiranya terdapat kes-kes perceraian tanpa persetujuan satu pihak, pihak mahkamah lebih cenderung untuk menyelesaikan kes-kes dengan cara perceraian secara fasakh, taklik atau mana-mana kaedah perceraian yang bersesuaian.

Kata Kunci: *Perceraian tanpa persetujuan satu pihak, hakam, mahkamah Syariah Terengganu, Fasakh, Taklik*

PENDAHULUAN

Ikatan perkahwinan itu menghalalkan dan membolehkan lelaki dan perempuan hidup bersama sebagai suami isteri melalui akad nikah dengan persetujuan dan kerelaan kedua-dua pihak Namun, Islam tetap mengharuskan perceraian bagi setiap pasangan yang merasakan mereka sudah gagal dan tidak mampu meneruskan sifat mawaddah dalam rumah tangga. Kesemua negeri di Malaysia telah memperuntukan undang-undang berkenaan perceraian. Terdapat pelbagai bentuk perceraian yang boleh dimohon oleh pihak-pihak bergantung kepada alasan perceraian mereka. Justeru, kaedah perceraian yang paling mudah dan segera diputuskan melalui perceraian secara fast track adalah seperti perceraian melalui talak. Perceraian fast track ini diluluskan oleh mahkamah tertakluk kepada syarat utama iaitu adanya persetujuan di antara suami dan isteri untuk bercerai. Suami akan melafazkan talak dan isteri bersetuju dengan perceraian tersebut.

Namun begitu, akan timbul masalah apabila salah satu pihak tidak bersetuju untuk bercerai. Jika salah satu pihak tidak bersetuju untuk bercerai melalui persetujuan bersama, mahkamah boleh melantik jawatankuasa pendamai atau mahkamah boleh melantik hakam jika berlaku shiqaq dan boleh diberikan kuasa kepada hakam untuk menjatuhkan talak. Masalah akan berlaku sekiranya pihak yang satu lagi tidak bersetuju dengan perceraian. Dalam keadaan kategori suami yang enggan melafazkan talak atau isteri yang tidak bersetuju dengan tuntutan cerai, ianya akan menghalang kes diselesaikan secara normal. Oleh yang demikian, hakam akan dilantik bagi membantu menjadi pendamai dan perunding cara kepada masalah rumah tangga pihak-pihak. Hakam mempunyai kuasa untuk mentalakkan mana-mana pasangan yang tiada persetujuan bersama untuk bercerai secara baik. Hakam akan diberi kuasa sepenuhnya dalam membuat keputusan sama ada untuk melafazkan talak atau menerima tebus talak, sekiranya ia merupakan wakil bagi suami. Sekiranya wakil bagi isteri pula, hakam berkuasa untuk menerima talak dan membayar tebus talak sebanyak mana yang telah disepakati antara mereka.

Seksyen 47 (5) Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam Selangor telah memperuntukkan bahawa jika pihak yang satu lagi tidak bersetuju terhadap perceraian itu atau jika mahkamah berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi suatu perdamaian antara pihak – pihak itu, mahkamah hendaklah dengan seberapa segera yang boleh melantik suatu jawatankuasa pendamai terdiri daripada seorang pegawai agama sebagai pengurus dan dua orang lain, seorang untuk bertindak bagi pihak suami dan seorang lagi bagi pihak isteri, dan merujukkan kes itu kepada jawatankuasa itu. (Najibah,2007)

Mahkamah akan menyiasat sama ada telah wujud shiqaq yang berpanjangan dalam perkahwinan tersebut atau tidak. Antara bentuk perbalahan yang boleh disabitkan sebagai shiqaq termasuklah keadaan suami isteri yang sering bergaduh sehingga menimbulkan kesukaran untuk menjalankan tanggungjawab masing – masing dan saling menuduh tidak melaksanakan hak sebagai suami isteri, saling menuduh bahawa suami atau isteri mempunyai hubungan sulit dengan perempuan atau lelaki yang bukan mahram atau perkelahian yang kerap hingga menyebabkan pukul memukul antara mereka. Shiqaq juga boleh disabitkan apabila salah seorang daripada mereka keluar dari rumah kediaman dan tidak tinggal bersama sedangkan punca sebenar tidak dapat dibuktikan oleh kedua – dua belah pihak di hadapan mahkamah.

Jika mahkamah berpuas hati bahawa shiqaq telah berlaku, mahkamah akan mengarahkan suami isteri untuk melantik hakam masing – masing dari kalangan saudara karib mereka yang mempunyai pengetahuan asas dalam hal kekeluargaan dan hukum syarak serta tahu hal keadaan suami isteri tersebut. Selepas pelantikan tersebut, hakam akan mengendalikan sesi pertemuan dengan suami isteri tersebut bagi menamatkan shiqaq antara suami dan isteri dengan cari mendamaikan mereka atau memisahkan antara kedua – duanya sama ada dengan talak atau khuluk. Dalam majlis Tahkim, hakam suami akan cuba untuk mendapatkan kuasa penuh daripada suami untuk menceraikan isteri dengan talak jika perdamaian gagal dicapai dan hakam isteri pula akan cuba mendapatkan kuasa penuh daripada isteri untuk menerima lafaz khuluk daripada hakam suami jika suami bersetuju untuk bercerai secara khuluk.

Selepas majlis tahkim tersebut selesai, kedua – dua hakam akan melaporkan kepada mahkamah keputusan daripada majlis tahkim tersebut. Jika suami isteri tersebut berjaya didamaikan, mahkamah memerintahkan suami isteri tersebut untuk berdamai dan kembali hidup sebagai suami isteri. Namun jika hakam gagal mendamai pasangan tersebut dan gagal mendapatkan kuasa penuh daripada suami untuk menceraikan isteri dengan talak, mahkamah akan memecat

hakam tersebut dan melantik hakam yang baru bagi suami dan isteri dari kalangan anggota panel hakam yang terlatih dan mempunyai kemahiran dalam hukum syarak dan undang – undang. Pada peringkat ini, hakam akan berusaha untuk mendamaikan suami dan isteri tersebut. Namun, sekiranya hakam gagal untuk mendamaikan suami isteri tersebut, maka hakam akan diberi kuasa oleh hakim untuk mentalakkan isteri sekiranya punca shiqaq adalah disebabkan pihak suami atau melafazkan lafadz khuluk sekiranya punca shiqaq adalah daripada pihak isteri. Dengan cara itu, terbubarlah perkahwinan secara sah menurut undang – undang dan hukum syarak.

Manakala di Terengganu, walaupun terdapat peruntukan berkenaan hakam dalam seksyen 45 Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam Terengganu 2017 (EUKIT) (MAIS, 2018) hakam tidak dilaksanakan dan diaplikasikan di Mahkamah Syariah Kuala Terengganu. Apabila wujud pertikaian atau shiqaq dalam sesbuah rumah tangga dan salah satu pihak ingin memfailkan permohonan perceraian, salah satu pihak tersebut hendaklah memfailkan permohonan pembubaran perkahwinan lain yang sesuai dengan situasi dakwaan wujudnya shiqaq dalam perkahwinan mereka seperti perceraian secara fasakh atau tuntutan pengesahan cerai taklik.

PERUNTUKAN HAKAM MENURUT UNDANG – UNDANG DI TERENGGANU

Seksyen 44 (5) Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam Terengganu 2017 (EUKIT 2017) telah memperuntukkan bahawa jika pihak yang satu lagi tidak bersetuju terhadap perceraian itu atau jika mahkamah berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi satu perdamaian antara pihak – pihak itu, mahkamah hendaklah dengan seberapa segera yang boleh melantik suatu jawatankuasa pendamai terdiri daripada seorang Pegawai Agama sebagai pengerusi dan dua orang yang lain, seorang untuk bertindak bagi pihak suami dan seorang lagi bagi pihak isteri, dan merujukkan kes itu kepada jawatankuasa itu. Berdasarkan kepada seksyen ini, jawatankuasa pendamai hanya akan ditubuhkan sekiranya terdapat arahan daripada mahkamah sahaja: Jawatankuasa ini akan diwujudkan sekiranya salah satu pihak tidak bersetuju dengan permohonan perceraian yang dibuat oleh salah seorang daripada mereka. Sekiranya mahkamah berpendapat bahawa pasangan suami isteri tersebut mempunyai harapan untuk berdamai, maka jawatankuasa pendamai ini akan dibentuk. Jawatankuasa pendamai terdiri daripada Pegawai Agama di Pejabat Agama Islam Daerah sebagai pengerusi, seorang wakil daripada pihak suami dan seorang lagi wakil daripada pihak isteri. (Nur Khalidah Dahlani, et al 2017)

Antara faktor dan scenario yang boleh menyebabkan berlakunya shiqaq dalam rumah tangga adalah suami atau isteri tidak menjalankan atau mengabaikan tanggungjawab dalam perkahwinan yang telah digariskan oleh syarak, tiada persefahaman antara suami dan isteri dan mempunyai masalah ekonomi atau masalah kewangan sehingga menimbulkan pergaduhan atau pertikaian yang berpanjangan dalam perkahwinan tersebut. Kemunculan orang ketiga dan pengaruh media sosial juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya shiqaq seperti berjumpa dengan kawan atau kekasih lama atau berkenalan dengan kenalan baru dan menghabiskan masa dengan media sosial sehingga tanggungjawab terabai. Selain daripada pengabaian tanggungjawab, keganasan rumah tangga sama ada penderaan secara mental atau fizikal dan kegagalan mengawal emosi dengan baik seperti terlalu mengikut hati atau terlalu panas baran dan tidak berfikir panjang dalam melakukan sesuatu juga boleh menyumbang kepada shiqaq dalam perkahwinan.

Seksyen 45 EUKIT telah memperuntukkan berkenaan timbangtara oleh hakam. Dalam seksyen ini memperuntukkan :

- (1) Jika mahkamah berpuas hati bahawa terdapat perkelahian iaitu syiqaq sentiasa berlaku antara pihak – pihak dalam sesebuah perkahwinan, mahkamah boleh melantik, mengikut hukum syarak, dua orang penimbangtara atau hakam untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri yang berkenaan itu masing masing.
- (2) Pada melantik hakam di bawah subseksyen 1, mahkamah hendaklah, jika boleh, memberi keutamaan kepada saudara – saudara karib pihak berkenaan itu yang tahu akan hal keadaan kes itu.

Subseksyen ini menjelaskan bahawa mahkamah boleh melantik dua orang penimbangtara atau hakam untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa shiqaq sentiasa berlaku di antara mereka berdua. Pelantikan hakam ini diberi keutamaan kepada saudara – saudara karib bagi pihak berkenaan dan hakam yang dilantik mestilah mengetahui mengenai keadaan kes tersebut.

Hakam hendaklah mengikut arahan – arahan dan hukum syarak yang diberikan oleh mahkamah. Sekiranya hakam atau mahkamah tidak berpuas hati dengan cara penimbangtaraan itu dijalankan, maka mahkamah boleh memecat mereka dan melantik hakam yang lain. Perkara ini telah dinyatakan di dalam seksyen 45 (3) dan (4) EUKIT.

Berdasarkan seksyen di atas, jika mahkamah membenarkan melafazkan satu talak, maka mahkamah akan merekodkan lafaz talak tersebut serta menghantar salinan rekod yang diperakui kepada Pendaftar dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftar. Seksyen ini juga telah memperuntukkan bahawa hakam mempunyai kuasa untuk membubarkan perkahwinan sekiranya difikirkan perlu dan munasabah. Setelah melalui beberapa siri perbincangan di antara kedua pasangan suami isteri, hakam akan menyampaikan kepada mahkamah keputusan yang telah dicapai melalui perbincangan tersebut.

Walaupun penubuhan dan fungsi jawatankuasa pendamai dan hakam dilihat hampir serupa, namun terdapat beberapa perbezaan antara keduanya iaitu anggota jawatankuasa pendamai tidak dihadkan kepada wakil bagi suami dan isteri sahaja, namun ia boleh melebihi daripada dua orang manakala hakam mestilah terdiri daripada dua orang iaitu seorang mewakili pihak suami dan seorang mewakili pihak isteri. Jawatankuasa pendamai dilantik dalam keadaan di mana salah satu pihak tidak bersetuju dengan perceraian tersebut atau pihak mahkamah berpendapat bahawa terdapat kemungkinan yang munasabah bagi pihak – pihak tersebut untuk berdamai manakala hakam pula lebih luas peranannya mengikut Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam di mana hakam berperanan untuk menyelesaikan shiqaq yang berlaku dalam kalangan suami dan isteri. (Nur Zulfah,2021). Pelantikan jawatankuasa pendamai pula hanya berkuasa untuk memberikan cadangan tetapi pihak mahkamah yang akan membuat keputusan. Namun hakam telah diberikan kuasa sepenuhnya untuk membuat keputusan sama ada untuk melafazkan talak atau menerima tebus talak sekiranya ia wakil daripada pihak suami. Wakil daripada pihak isteri pula berkuasa untuk menerima talak dan membayar tebus talak.

Pelantikan hakam adalah dikhususkan bidangkuasanya. Hakam hanya akan dilantik bagi menangani krisis rumah tangga yang jelas menunjukkan telah berlakunya shiqaq atau pertelingkahan tetapi tidak diketahui dengan jelas punca berlakunya pertikaian tersebut. Hakam

akan mengambil tugas melalui dua peringkat. Peringkat pertama adalah hakam daripada kalangan suami isteri. Mahkamah boleh memberi arahan – arahan kepada hakam tentang hal menjalankan penimbangtaraan dan mereka hendaklah menjalankannya mengikut arahan dan mengikut hukum syarak. Hakam tidak mempunyai kuasa untuk menceraikan pasangan, akan tetapi hakam sekadar memberi kata putus berkenaan dengan rumah tangga pasangan yang bertikai. Peringkat kedua, hakam dilantik oleh Mahkamah Syariah dengan kuasa untuk menceraikan. Suami langsung tidak mempunyai kuasa untuk menghalang perceraian itu. Perceraian tersebut adalah sah di sisi syarak dan undang – undang.

Bagi peringkat pertama merupakan hakam Islah sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 45 (1). Hakam Islah merupakan hakam yang dilantik secara wakalah oleh pihak suami dan isteri. Pelaksanaan hakam ini adalah secara perwakilan kuasa daripada prinsipal masing – masing iaitu pihak suami dan isteri dan hakam yang dilantik akan dianggap sebagai wakil kepada suami dan isteri. Hakam Islah ini memerlukan persetujuan daripada suami dan isteri untuk pelantikan, kecuali jika hakam dilantik oleh mahkamah. Ini bermakna jika hakam yang dilantik oleh mahkamah, tidak memerlukan kepada persetujuan daripada pihak – pihak. Jika tiada ahli keluarga atau tiada yang memenuhi syarat untuk dilantik sebagai hakam islah, maka mahkamah boleh melantik hakam panel.

Jika Hakam Islah gagal mendamaikan pihak – pihak, maka Hakam Panel akan dilantik menggunakan kuasa penuh mahkamah. Bagi permulaan pelantikan Hakam Panel, ia akan dilantik oleh Majlis Agama Islam Terengganu atas cadangan jawatankuasa hakam. Hakam panel akan diberi tauliah iaitu latihan untuk menjadi Hakam Panel. Hakam Panel juga dilantik oleh mahkamah untuk mendamaikan atau melafazkan talak atau khuluk kepada hakam suami dan kuasa penuh untuk mendamaikan atau menerima lafaz khuluk kepada hakam isteri. Hakam Panel yang dilantik ini akan menjalankan proses Tahkim selama tempoh tiga bulan dan jika proses Tahkim melebihi tempoh yang ditetapkan, maka hakam yang dilantik tersebut akan dipecat dan akan digantikan dengan Hakam Panel yang baru.(Mohd Matlan,2021)

PROSEDUR PELANTIKAN HAKAM DI MAHKAMAH SYARIAH KUALA TERENGGANU

Tuntutan perceraian biasanya dituntut oleh pihak isteri dengan pelbagai alasan. Pihak suami yang mudah untuk bekerjasama dengan pihak isteri dan mahkamah, akan memudahkan perjalanan perbicaraan dengan menjatuhkan talak di hadapan hakim. Perceraian dengan persetujuan bersama merupakan perceraian yang mengikut peraturan paling mudah. Perceraian ini diperuntukkan di bawah seksyen 44 Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 dan merupakan perceraian yang paling efektif dan dapat memelihara aib kedua belah pihak. Dari segi prosedur, permohonan perceraian di bawah seksyen ini tidak melibatkan banyak proses dan saksi. Sebaik sahaja saman berjaya disampaikan kepada suami dan suami bersetuju untuk bercerai, maka mahkamah Syariah akan mengarahkan supaya suami melafazkan cerai di dalam mahkamah setelah mendapat perkahwinan tersebut bermasalah.

Namun, sekiranya salah satu pihak tidak bersetuju dengan perceraian tersebut, suami atau isteri akan menyerahkan Borang Permohonan Perceraian di kaunter mahkamah untuk mendaftar perceraian. Setelah itu, suami atau isteri akan menerima tarikh dan masa untuk hadir ke mahkamah. Jika suami atau isteri masih enggan untuk bercerai, mahkamah akan melantik jawatankuasa pendamai. Kedua – dua suami dan isteri mestilah hadir pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan untuk berjumpa jawatankuasa pendamai dan memberi penjelasan mengenai perceraian mereka. Namun, sekiranya selepas berjumpa dengan jawatankuasa

pendamai, salah satu pihak masih enggan untuk bercerai, mahkamah akan menyiasat sama ada telah wujud shiqaq yang berpanjangan dalam perkahwinan tersebut. Sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa shiqaq sentiasa berlaku antara pihak – pihak dalam perkahwinan, mahkamah boleh melantik dua orang hakam untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri.

Pelantikan hakam hanya sah mengikut hukum syarak dan undang – undang yang telah ditetapkan. Berdasarkan seksyen 45 (1) Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017, mahkamah boleh melantik mengikut hukum syarak iaitu dua orang penimbangtara atau hakam untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri. Pelantikan tersebut hendaklah dibuat selaras dengan peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh hukum syarak mengenai pelantikan tersebut. Mahkamah akan memberi keutamaan kepada saudara – saudara karib pihak – pihak yang berkenaan yang tahu berkenaan kes tersebut.

Pelantikan hakam hendaklah diberi keutamaan kepada ahli keluarga pihak suami dan pihak isteri yang mengetahui akan hal dalam keadaan kes itu. Apabila pihak-pihak tidak mempunyai wakil, maka mereka haruslah menyatakan alasan yang munasabah kepada Mahkamah seperti dia adalah sebatang kara, dia adalah seorang yang baru memeluk Islam dan sebagainya. Selepas itu, Mahkamah akan menilai alasan yang diberikan, Mahkamah akan melantik hakam panel bagi mewakili pihak-pihak (Mohd Hadi Haji Ahmad Talhah, 2003)

Berdasarkan Amalan Hakam Mahkamah Syariah Selangor, sebelum melantik hakam, mahkamah mestilah berpuas hati bahawa perkelahian iaitu shiqaq benar – benar berlaku antara suami dan isteri yang terbabit. Mahkamah hendaklah mengarahkan suami dan isteri mengemukakan seorang wakil dari pihak masing – masing kepada mahkamah yang sesuai dan layak dilantik sebagai hakam dalam tempoh 14 hari dari perintah dengan menggunakan Borang AH1. Setelah kedua – dua pihak mengemukakan nama – nama wakil kepada mahkamah, hakim hendaklah melantik dan mengisyiharkan sebagai hakam kepada kedua – dua pihak. Jika pihak – pihak gagal mengemukakan wakil masing – masing, mahkamah akan melantik hakam bagi setiap pihak seperti dalam Borang AH2. Jika salah satu pihak gagal mengemukakan wakil, mahkamah mempunyai kuasa untuk melantik hakam bagi pihak yang gagal mengemukakan wakil tersebut, tertakluk kepada syarat – syarat dalam Arahan 1.

Namun begitu, mahkamah mempunyai hak untuk memecat mana – mana hakam yang dilantik apabila timbul rasa tidak puas hati dengan cara penimbangtaraan oleh hakam. Ini adalah berdasarkan kepada maslahah syar’iyyah untuk memastikan perjalanan penimbangtaraan mengikut peraturan dan landasan syarak. Mahkamah juga mempunyai hak untuk melantik hakam yang lain bagi menggantikannya. Jika hakam yang dilantik itu tidak dapat mengendalikan tugas yang telah diamanahkan kepadanya dengan baik atau mungkin oleh sebab sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan, maka mahkamah dibolehkan untuk melantik hakam lain bagi menggantikan hakam yang terdahulu. Sebagai contoh di mana hakam mempunyai keputusan yang berbeza dan bertentangan. Apabila salah seorang hakam dari pihak isteri atau suami mempunyai pendapat yang berbeza dan tidak mahu menerima pendapat pihak lain, maka ini akan menimbulkan perasaan tidak puas hati di antara pihak yang bertelingkah. Ini akan mengeruhkan suasana dan menyulitkan lagi jalan perdamaian. Islam sangat mengambil berat soal keadilan dan kerana dengan keadilanlah kehidupan masyarakat tidak akan menjadi kucar – kacir. Mahkamah boleh memecat hakam dan melantik hakam yang lain sekiranya mahkamah mendapati hakam yang dilantik tidak dapat menyempurnakan tugasnya seperti yang diamanahkan oleh mahkamah.

AMALAN PELAKSANAAN HAKAM DI MAHKAMAH SYARIAH KUALA TERENGGANU

Berbeza dengan negeri Selangor, amalan hakam tidak dilaksanakan dan diaplikasikan di Kuala Terengganu. Walaupun terdapat peruntukan yang telah diperuntukkan berkenaan hakam dalam Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017, peruntukan ini tidak diaplikasikan di Mahkamah Syariah Kuala Terengganu. Sekiranya terdapat kes yang difaiklan oleh pihak isteri di Mahkamah Syariah dan mendakwa bahawa wujudnya shiqaq dalam perkahwinan mereka dan pihak suami enggan bercerai, kes permohonan perceraian tersebut tidak akan diluluskan oleh Hakim Bicara. Sekiranya salah satu pihak tetap ingin bercerai, pihak tersebut perlu memfailkan permohonan pembubaran perkahwinan lain yang sesuai dengan situasi dakwaan wujudnya shiqaq dalam perkahwinan mereka seperti perceraian secara fasakh, taklik atau secara tebus talak.

Sekiranya pihak – pihak membuat permohonan perceraian dan salah satu pihak terutamanya pihak suami enggan untuk meneruskan perceraian, maka kes tersebut akan ditolak. Pada amalannya yang berlaku di Mahkamah Syariah Kuala Terengganu, pihak – pihak akan memfailkan permohonan atau tuntutan perceraian lain seperti tuntutan pengesahan cerai taklik. Taklik yang dimaksudkan dalam kes ini adalah taklik yang dilafazkan selepas akad nikah sebagaimana yang tertera dalam Surat Akuan Nikah.

Seksyen 2 Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 telah menafsirkan taklik sebagai lafaz perjanjian yang dibuat oleh suami selepas akad nikah mengikut hukum syarak. Seterusnya, merujuk kepada seksyen 47 pula telah memperuntukkan mengenai perceraian secara taklik atau janji bahawa :

- (1) Seseorang perempuan yang bersuami boleh, jika berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat perakuan ta’liq yang dibuat selepas berkahwin, memohon kepada Mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian yang demikian telah berlaku.
- (2) Mahkamah hendaklah memeriksa permohonan itu dan membuat suatu penyiasatan mengenai sahnya perceraian itu dan, jika berpuas hati bahawa perceraian itu adalah sah mengikut Hukum Syarak, hendaklah mengesahkan dan merekodkan perceraian itu dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

Seksyen 47 (1) ini telah menjelaskan bahawa seseorang perempuan yang telah bersuami berhak untuk memfailkan perceraian menurut syarat – syarat perakuan taklik yang dibuat setelah berkahwin di Mahkamah Syariah. Manakala bagi subseksyen (2) pula menjelaskan berkenaan prosedur ringkas berkenaan dengan Pengesahan Cerai Taklik di Mahkamah Syariah. Di bawah seksyen ini, setelah menerima pemfailan permohonan bagi kes Pengesahan Cerai Taklik, mahkamah akan membuat penyiasatan mengenai pengesahan perceraian taklik tersebut. Sekiranya, perceraian secara taklik tersebut disahkan di mahkamah menurut hukum syarak, rekod perceraian tersebut akan dihantar kepada Pendaftar (Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju’ Orang Islam) untuk didaftarkan.

Secara umumnya pula, prosedur bagi kes permohonan pengesahan cerai taklik dan prosedur bagi lain – lain kes adalah sama. Perbezaannya adalah pada seksyen yang digunakan dan pembuktian yang perlu dikemukakan kepada mahkamah bergantung kepada jenis kes yang didaftarkan. Sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Enakmen Undang – Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 dalam Bahagian V iaitu terdapat beberapa jenis kes yang

melibatkan pembubaran perkahwinan seperti perceraian secara fasakh, tebus talak, li'an, pengesahan lafaz cerai (cerai luar mahkamah) dan lain – lain lagi.

Bagi kes permohonan pengesahan cerai taklik, ketika pendaftaran atau pemfailan kes di mahkamah Syariah, pihak yang ingin membuat pengesahan cerai taklik tersebut perlu menyatakan di dalam Afidavit berkenaan dengan jenis yang ingin disahkan sama ada taklik yang dilafazkan selepas akad nikah atau taklik yang selain daripadanya. Mana – mana pelanggaran kepada taklik yang dibuat perlu disahkan di Mahkamah Syariah. Setelah kes didaftarkan, pihak – pihak akan dibicarakan di hadapan hakim bicara dan keterangan kedua – dua akan diambil. Seterusnya penggulungan hujah akan dibuat oleh pihak – pihak sama ada diwakili oleh peguam syarie atau tidak. Setelah hakim bicara berpuas hati dengan keterangan dan penghujahan pihak – pihak, keputusan akan dikeluarkan oleh hakim bicara.

Taklik yang dilafazkan selepas akad nikah sebagaimana yang tertera dalam Surat Akuan Nikah di setiap negeri adalah berbeza. Contoh lafaz taklik yang dilafazkan oleh pihak suami selepas akad nikah di Negeri Terengganu adalah :

“Saya dengan sesungguhnya melafazkan bahawa tiap – tiap kali saya tidak bersekedudukan dengan isteri saya Aminah Binti Hasan bagi selama tempoh 4 bulan dengan tidak putus – putus, sama ada saya meninggal akan dia atau dia meninggal akan saya dengan ikhtiar atau dengan terpaksa dan tatkala ia mengadu kepada Qadi dan tatkala sabit pada sisinya di atas ketiadaan sekedudukan selama itu maka tertalaklah isteri saya Aminah Binti Hasan itu dengan satu talak”

Merujuk kepada contoh lafaz taklik di atas, ada dinyatakan tempoh iaitu “tiap – tiap kali saya tidak bersekedudukan dengan isteri saya Aminah Binti Hasan abgi selama tempoh 4 bulan dengan tidak putus – putus”. Tidak bersekedudukan selama 4 bulan secara terus menerus adalah salah satu tempoh yang ditetapkan sebagai berlakunya pelanggaran taklik. Malahan di Terengganu, sama ada suami yang meninggalkan rumah atau sebaliknya, dan setelah dibicarakan ke Mahkamah Syariah dan hakim bicara mensabitkan bahawa berlaku pelanggaran lafaz taklik tersebut, maka isteri dalam lafaz tersebut adalah tertalak dengan satu talak. Prosedur dalam kes ini adalah lebih mudah dan ringkas berbanding dengan kaedah timbangtara oleh hakam. Hal ini boleh dijadikan salah satu faktor di mana kes tuntutan pengesahan cerai taklik sentiasa difaikkan oleh pihak – pihak berbanding untuk meneruskan prosedur perceraian melalui hakam.

Berbeza dengan lafaz taklik di Selangor, suami akan melafazkan lafaz taklik sebagaimana berikut :

“Saya mengaku apabila saya meninggalkan isteri saya Aminah Binti Hasan selama 4 bulan Hijrah berturut – turut atau lebih dengan sengaja atau paksaan, dan saya atau wakil saya tiada memberi nafkah kepadanya selama tempoh yang tersebut pada hal ia taatkan saya atau saya melakukan sebarang mudarat kepada tubuh badannya, kemudian ia mengadu kepada Mahkamah Syariah, dan apabila sabitnya aduannya di sisi Mahkamah Syariah, dan ia memberi kepada Mahkamah Syariah, yang menerima bagi pihak saya satu ringgit maka pada ketika itu tertalak ia dengan cara ‘Talak Khuluk’”.

Lafaz taklik di Selangor, akad nikah akan tertalak dengan talak khuluk sekiranya hanya suami yang meninggalkan isteri selama 4 bulan berturut – turut dan suami atau wakilnya tidak memberikan nafkah selama tempoh tersebut. Berbeza dengan lafaz taklik di Terengganu yang mentaklikkan ke atas perbuatan ‘meninggalkan’ tersebut terhadap kedua – dua suami dan isteri.

Selain daripada membuat permohonan perceraian melalui pengesahan cerai taklik, pihak – pihak juga boleh memfailkan tuntutan fasakh tetapi permohonan perceraian melalui fasakh agak susah untuk dibuktikan.

Berdasarkan seksyen 50 telah memperuntukkan seorang perempuan yang berkahwin mengikut hukum syarak adalah berhak untuk mendapatkan suatu perintah untuk membubarkan perkahwinannya secara fasakh sekiranya menepati satu atau lebih alasan – alasan yang telah diperuntukkan. Secara amalannya di Mahkamah Syariah di negeri - negeri yang menjalankan kaedah hakam, pihak – pihak lebih cenderung untuk membubarkan perkahwinan mereka melalui hakam berbanding memfailkan kes tuntutan fasakh. Hal ini kerana pembuktian yang diperlukan oleh hakim bicara dalam kes tuntutan fasakh adalah di tahap yang tinggi sebelum memutuskan sama ada wujud atau tidak shiqaq dalam perkahwinan mereka. Bagi tuntutan fasakh, sekiranya hakim bicara berpuas hati dengan keterangan dan pembuktian daripada plaintif, tuntutan tersebut akan diluluskan dan hakim bicara fasakhkan akad nikah pihak – pihak. Namun, kes akan ditolak dan perkahwinan tidak akan difasahkan sekiranya keterangan dan pembuktian daripada plaintif lemah dan mempunyai keraguan.

KESAN KUASA HAKAM DALAM KES – KES PERCERAIAN TANPA PERSETUJUAN SATU PIHAK

Apabila seseorang suami telah melakukan sebarang penganiayaan ke atas isteri atau menyakiti atau melakukan sebarang mudarat kepada tubuh badan atau kehormatan atau harta benda isteri sama ada dengan perkataan atau perbuatan dan isteri itu tidak sanggup untuk hidup bersama dan meneruskan perhubungan sebagai suami isteri, pihak isteri boleh membuat aduan dan menuntut cerai kepada Mahkamah. Apabila aduannya dapat disabitkan dan Mahkamah gagal mendamaikan di antara kedua-duanya, Mahkamah bolehlah menjatuhkan hukum cerai dengan satu Talak Ba'in.

Namun, Jika didapati bahawa aduan isteri tidak dapat disabitkan dan ditolak oleh Mahkamah dengan sebab ia tidak dapat membuktikan kebenarannya dan kemudian daripada itu isteri berulang-ulang membuat aduan yang sama dan Mahkamah mendapat pertikaian sentiasa berlaku di antara suami isteri tersebut, Mahkamah bolehlah melantik dua orang Hakam yang layak dan berkebolehan dalam perkara timbangtara seorang bagi pihak suami dan seorang bagi pihak isteri mengikut Hukum Syarak.

Ijmak ulama mengatakan bahawa hakam dilantik berkuasa untuk mendamaikan atau menceraikan pasangan yang bekelahian. Ibrahim Nakha'i ada mengatakan; “Sekiranya kedua hakam telah bersepakat untuk menceraikan pasangan yang bertelingkah maka lakukanlah. Selain itu, hakam juga berkuasa untuk mengambil tindakan memisahkan pasangan yang bertelagah, berlandaskan dengan hukum syarak iaitu “janganlah kamu melakukan kerosakan terhadap orang lain dan janganlah pula kamu bertindak balas melakukan kemudarat yang sama dengan kemudaratannya keatasnya”. Mengikut pendapat Imam Syafie, kedua – dua hakam yang dilantik itu hanya akan menjalankan tugas apabila pertikaian antara suami dan isteri tidak

diketahui siapa puncanya. Tetapi sekiranya punca persengketaan itu sudah dikenal pasti, maka masalah ini akan diselesaikan dengan cara memulangkan ‘hak kepada tuannya’. Namun, hakam yang telah dilantik oleh Mahkamah Syariah di Malaysia adalah tidak berkuasa untuk menceraikan pasangan yang berkelahian (*shiqaq*) melainkan telah mendapat kuasa daripada mahkamah untuk berbuat demikian. Mahkamah hanya memberi kuasa untuk mendamaikan sahaja kepada para hakam dan kadangkala menceraikan sekaligus. Sekiranya kuasa mendamai sahaja diberikan, maka hakam tidak berkuasa untuk menceraikan pasangan tersebut.

Sekiranya hakam telah mendapat kuasa untuk menceraikan pasangan tersebut, maka hakam mempunyai kuasa untuk memisahkan pasangan tersebut. Hukum perceraian yang diputuskan oleh hakam adalah *talaq ba'in sugra*. Talak ini adalah jatuh serta merta pada masa lafadz itu dilafazkan. Maka, implikasinya adalah rujuk tidak terpakai kepada suami dan isteri tersebut.

Tambahan pula, kesemua hak – hak isteri adalah terputus apabila talak dijatuhkan. Sekiranya suami ingin kembali bersama isterinya, maka suami tersebut perlu menikahinya dengan mas kahwin yang baru. Selain implikasi hukum, implikasi prosedur hakam adalah keputusan perceraian yang dibuat oleh hakam adalah tidak boleh dirayu, bersifat muktamad dan mengikat pihak-pihak yang bertikai. Rayuan hanya boleh dibuat apabila terdapat kecacatan dari sudut prosiding sahaja, iaitu pihak yang bertikai boleh membuat semakan pada tahap mana ia dirasakan perlu. Dari sudut implikasi sosial pula, hakam adalah kaedah perceraian alternatif yang boleh meringankan bebanan yang ditanggung oleh isteri untuk melepaskan mereka dari belenggu gantung tidak bertali.

KESIMPULAN

Islam telah menggariskan pelbagai hukum dan adab dalam kehidupan berumah tangga untuk mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian di antara suami dan isteri. Dalam isu permasalahan *shiqaq* ini, Allah telah memberikan garis panduan dalam Al Quran dengan melantik orang tengah atau hakam bagi menyelesaikan pertikaian tersebut. Namun, sekiranya jalan perpisahan itu yang terbaik, maka hendaklah perpisahan tersebut dilakukan dengan cara yang baik mengikut garis panduan yang betul dalam menjaga maslahah dan untuk mengelakkan berlakunya mudarat kepada pasangan masing – masing.

Proses hakam kerap kali digunakan di mahkamah syariah dalam menyelesaikan permohonan perceraian yang dimohon oleh pihak – pihak. Penubuhan kaedah hakam sangat membantu perjalanan proses perceraian tanpa persetujuan bersama. Ia merupakan satu kaedah atau cara bagi menyelesaikan kes yang tertangguh begitu lama supaya lebih cepat diselesaikan terutamanya yang melibatkan isteri – isteri yang teraniaya agar mereka dapat memulakan kehidupan yang baru. Kaedah ini merupakan suatu kaedah alternatif yang dapat membantu menyelesaikan kes dengan lebih cepat yang melibatkan pertikaian suami isteri sama ada pihak bertikai kembali berdamai atau berlakunya perceraian. Walaupun kaedah hakam tidak dilaksanakan dan diaplikasikan di Mahkamah Syariah Kuala Terengganu, pihak – pihak yang bertikai masih boleh membuat permohonan perceraian melalui jenis – jenis perceraian yang lain seperti permohonan pengesahan lafadz taklik, fasakh dan lain - lain.

RUJUKAN

- Abdullah Abu Mat Saud (2013) *Hakmu Muslimah : Menurut Undang-undang Keluarga Islam Serta Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah*, Awal Hijrah Enterprise.
- Ahmad Hariri Mohd Saad, Raihanah Hj Azahari, 2014, *Pengukuhan Institusi Keluarga Melalui Kawalan Terhadap Perceraian*, Jurnal Fiqh (No. 11)175-194
- Azliza binti Abu Hanipah, 1999, *Konsep Dan Peranan Majlis Tahkim Dalam Menyelesaikan Masalah Rumahtangga ; Kajian Kes Di Shah Alam. Tesis Diploma Pengajian Islam, Kolej Islam Darul Ehsan.*
- Haji Mohd Saleh Haji Ahmad, 2005, *Kaedah-kaedah Penyelesaian Pertikaian Dalam Islam : Tumpuan Kepada Konsep Tahkim di dalam Risalah Ahkam*, Intel Multimedia And Publication
- Hammad Mohamad Dahalan dan Mohamad Azlan Yahya, 2017, *Hakam Dalam Mahkamah Syariah : Analisis Pelaksanaannya Di Sisi Prinsip Syariah Di Malaysia*, Proceeding of 2nd International Conference on Law, Economics and Education (ICONLEE), Grand Bluewave Hotel, Shah Alam, Malaysia.
- Mohamad Hafifi Hassim, Nor 'Adha Ab Hamid, Norazla Ab Wahab, Nurhafizah Raja Abdul Aziz, Roslinda Ramli, Siti Noor Ahmad, 2019, *Penyelesaian Pertikaian Alternatif Dalam Islam : Aplikasinya Terhadap Kes-Kes Kekeluargaan Dan Kehartaan Di Mahkamah Syariah*, e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, Vol 6, No. 2 (September 2019), KUIS, hlm 1-14
- Mumtazah Narowi, Noor Fadhzana Mohd Noor dan Siti Amalina Ahmad Khairuddin, 2020, *Hakam Dan Aplikasinya Dalam Penyelesaian Kes Perceraian Di Mahkamah Syariah Negeri Selangor*, International Multidisciplinary Postgraduate Virtual Conference 2020 (IMPC20), 9 & 10 Disember, Centre of Graduate Studies, hlm 182-184. UNISEL
- Muslem, Siti Aminah Abd Samat, 2018, *Mekanisme Majelis Tahkim Dalam Penyelesaian Sengketa Rumah Tangga (Analisis Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 2 Tahun 2003, Seksyen 48 Tentang Penambahan Kaedah-kaedah Hakam Di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam, Selangor, Malaysia)*, Media Syari'ah, Vol 20, No.1, hlm 76-93
- Najibah Mohd Zain, 2007, *Undang-undang Keluarga Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Noor Syaibah Shabuddin, Norazilah Johari, Norhasima Abdullah dan Shazwana Aziz, 2016. *Perceraian Dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan Di Pejabat Daerah Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL) : Eksplorasi Faktor*, Jurnal Sains Sosial Malaysia, Jil 1, 36-52,
- Nor Azlina Mohd Kiram, Raja Masittah Raja Ariffin dan Jama'yah Zakaria, 2017, *Gaya Pengurusan Konflik dan Kesannya Terhadap Institusi Kekeluargaan dalam Novel Saga*, Akademika 87(2), UKM
- Norzulaili Mohd Ghazali, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2006, *Nusyuz, Syiqaq dan Hakam Menurut Al-Quran, Sunnah dan Undang-undang Keluarga Islam*, Kolej Universiti Islam Malaysia, Negeri Sembilan
- Raihanah Hj, Abdullah, 2001, *Wanita, Perceraian dan Mahkamah Syariah. Dlm, Wanita dan Perundangan Islam*, Kuala Lumpur, Ilmiah Publisher. 116

Suwaid Tapah, 2007, *Prosedur Perceraian. Dlm Undang-undang Islam di Malaysia : Prinsip dan Amalan*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Zanariah Dimon, Azizah Mohd Rapini, Hammad Md. Dahalan, Zaini Yusnita Mat Jusoh dan Nur Zulfah Md. Abd Salam, 2018, *Faktor-faktor Konflik Rumah Tangga : Kajian Di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor*, International Conference On Islamiyyat Studies, Bandar Baru Bangi, Selangor.